

Sebahagian daripada fasilitator dan peserta Kem Jelajah Fizik



Tingkat minat dalam subjek

# Fizik

Oleh Nor Ashekin Hamdan  
bhvarsiti@bh.com.my

► Besut

Dalam usaha meningkatkan minat pelajar dan penerokaan bidang fizik, Universiti Putra Malaysia (UPM) menganjurkan program Outreach: Kem Jelajah Fizik di Sekolah Menengah Intiaz, baru-baru ini.

Program kendalian 38 ahli Kelab Fizik UPM, diketuai Pesyarah Kanan Fakulti Sains, Dr Yap Wing Fen, bertujuan meningkatkan pengetahuan dan kemahiran pelajar terhadap subjek berkenaan, di samping memberi pendedahan mengenai konsep pembelajaran bersifat interaktif.

“

**KEBANYAKAN PELAJAR TINGKATAN EMPAT DAN LIMA CENDERUNG MENGHAFAKAL DEFINISI DAN FORMULA FIZIK SEBAGAI PERSEDIAAN MENGHADAPI PEPERIKSAAN”**

Dr Yap Wing Fen,  
Pesyarah Kanan  
Fakulti Sains UPM



Aktiviti eksperimen fizik luar kelas.

Dr Yap berkata, kajian mendapati ada pelajar aliran Sains di sekolah menengah menganggap bahawa pembelajaran subjek Fizik adalah sukar dan membosankan.

Katanya, tanggapan itu perlu ditepis dan pihaknya

berharap dengan penganjuran Kem Jelajah Fizik itu dapat menyemai minat dan penghayatan pelajar terhadap subjek itu.

“Berdasarkan pemerhatian saya, kebanyakan pelajar Tingkatan Empat dan Lima

cenderung menghafal definisi dan formula Fizik sebagai persediaan menghadapi peperiksaan.

**Ubah persepsi**

“Dengan kaedah menghafal, sememangnya pelajar mampu

memperoleh keputusan cemerlang dalam peperiksaan, namun masalah timbul apabila mereka ingin mendalami bidang Fizik di universiti kelak,” katanya.

Dr Yap berkata, pengisian kem lebih memfokuskan usaha mengubah persepsi kepada pendekatan ‘faham dan ingat’ Fizik.

Menerusi aktiviti secara hands-on yang dijalankan, peluag, peserta, diberi peluang melihat, mendalami dan mempelajari secara langsung konsep Fizik yang berlaku dalam kehidupan seharian.

“Antara slot yang berjaya menarik minat peserta adalah From Sky to Star yang memerlukan mereka menggunakan idea inovatif untuk membina roket kertas daripada bahan buangan.

“Aktiviti bertujuan menguji teori asas Fizik dan kemahiran psikomotor sekali gus menggalakkan pelajar mengaplikasikan pengetahuan dalam kelas untuk menghasilkan roket kertas paling efektif,” katanya.

Aktiviti lain termasuk Amazing Physics, Explorace: The Einstein Hunt dan The Journey of Curiosity yang turut membuka minda serta memberi peluang pelajar melaksanakan eksperimen Fizik di luar kelas.



Peserta dibahagikan kepada kumpulan kecil agar berpeluang bertukar-tukar pandangan.



Aktiviti kem dijalankan secara hands-on.